

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Kurang 10 tahun Malaysia dalam 30 ekonomi terbesar



Bisnes

Selasa, 8 Ogos 2023
bhbiz@nstp.com.my

→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Kurang 10 tahun Malaysia dalam 30 ekonomi terbesar

Sasaran mampu dicapai disokong kemasukan pelaburan asing berimpak tinggi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_azziz@btl.com.my

Sasaran untuk berada dalam kedudukan 30 ekonomi terbesar yang ditetapkan dalam Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat dilihat mampu dicapai, demikian menurut penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi Maybank Investment Banking Group (Maybank IBG), Suhaimi Ilias, berkata pihaknya melihat sasaran itu mampu dicapai dalam tempoh kurang 10 tahun, berdasarkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) yang berimpak tinggi seperti Tesla dan Infineon.

Beliau berkata, kemasukan pelaburan sedemikian menunj-

EKONOMI MADANI
Memperkasakan Rakyat

kan laluan betul untuk menjadi ekonomi berdaya saing dan destinasi pelaburan menarik.

Malah, katanya, FDI berimpak tinggi juga akan meningkatkan nilai tambah ekonomi dan kompleksiti serta mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti dan lebih baik.

"Beberapa sasaran boleh dicapai dalam kurang 10 tahun seperti berada dalam 30 ekonomi terbesar," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Ekonomi MADANI yang dilancarkan pada 27 Julai lalu adalah kerangka ekonomi yang bertujuan mengangkat semula ekonomi Malaysia dan membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih berkualiti.

ia satu rencana menyeluruh bagi Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan isu berkaitan

daya saing dan tarikan negara sebagai destinasi pelaburan serta mengarahkan tindakan bagi menangani isu semasa yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat.

Suhaimi berkata, ada sasaran Ekonomi MADANI yang memerlukan tempoh lebih panjang sehingga 10 tahun seperti berada dalam kedudukan 25 teratas Indeks Persepsi Rasuah, yang menjadi bukti pengukuhan tadbir urus baik.

Beliau berkata, sasaran untuk meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45 peratus dalam tempoh 10 tahun pula dilihat sebagai satu cabaran besar.

Katanya, Ketua Setiausaha Perbadanan, Datuk Johan Mahmood Merican pada sesi dialog Ekonomi MADANI pada Jumaat lalu, menjelaskan bahawa sasaran bahagian pendapatan pekerja itu bukan semata-mata untuk meningkatkan pendapatan pekerja dengan mengorbankan keuntu-

ngan dan pelaburan.

Tumpu pembaharuan

Sebaliknya, ia memberi tumpuan kepada pembaharuan pasaran pekerjaan dan penstrukturan semula Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menerusi model gaji progresif, program peningkatan kemahiran/kemahiran semula tenaga kerja, menukar TVET daripada dipacu bekalan kepada diterajui permintaan industri mengikut program latihan, Akademi Industri, jelasnya.

Sementara itu, Suhaimi berkata, sasaran defisit fiskal 3.0 peratus atau kurang dalam tempoh 10 tahun akan datang mencerminkan tahap yang diingini untuk defisit belanjawan yang mampan.

Beliau berkata, walaupun ada komitmen hutang dan pembayaran hutang, kerajaan masih perlu berbelanja dan melabur, terutama berkaitan dengan menaikkan

siting untuk rakyat seperti akses universal kepada infrastruktur dan perkhidmatan awam seperti pengangkutan, pendidikan, penjagaan kesihatan serta perlindungan sosial.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata bantuan yang diumumkan semasa pelancaran Ekonomi MADANI seperti bantuan khas RM300 kepada 3.5 juta penjawat awam dan RM200 kepada sejuta pesara; kredit 5-dampet sebanyak RM100 kepada 10 juta orang dalam kategori M40 dan M40 akan dibiayai terutamanya oleh penjimatan daripada pembatalan atau projek tender yang diberikan sebelum ini di bawah rundingan terus.

"Ketua Setiausaha Perbadanan juga menyentusi Akta Tanggungjawab Fiskal (ATF) yang akan dibentangkan menjelang akhir tahun.

"Antara lain, dan selaras dengan FRA negara lain, akan ada piagam fiskal yang menetapkan matlamat defisit fiskal, tahap hutang dan pembayaran serta jaminan kerajaan serta komited," katanya.



Suhaimi Ilias